

Kaedah Pengajaran Guru-Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Bachok

Ahmad Puhad Alim & Norliza Binti Abdul Manaf
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Di samping itu, kajian ini juga mengkaji kaedah pengajaran utama yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Penyelidikan ini telah melibatkan responden seramai 34 orang dan kesemua responden dari kalangan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah soal-selidik bagi mendapatkan data kajian dan pemprosesan data yang diperolehi adalah dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for windows*. Dapatan min sebanyak 4.06 menunjukkan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) menggunakan kaedah mengajar yang dikaji oleh penyelidik. Kaedah utama yang digunakan guru-guru PASTI adalah kaedah hafalan dengan catatan min sebanyak 4.16. Guru-guru PASTI juga mengetahui tentang kaedah pengajaran yang dikaji oleh penyelidik. Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan responden memberi persepsi yang positif terhadap aspek yang dikaji. Di akhir kajian, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu untuk diberi perhatian terhadap masalah yang dikaji. Kajian lanjutan juga turut dicadangkan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

Abstract: The purpose of this experiment is to determine the method of teaching that has been use by teachers of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) in Bachok area. Besides that, the experiment to determine main method of teaching that has been use by teachers of PASTI in Bachok. This research is consisting of 34 respondents and all of the respondents are teachers of PASTI in Bachok. Questionnaires are use to determine the data of experiment and to process the data that have been obtain by using *Statistical Package for Social Science (SPSS) 12.0 for windows*. The mean 4.06 represent that the teacher of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) is using the method of teaching that has been search by researcher. The main method has been use by teachers of Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) is memorize method and the mean is 4.16. The overall of this experiment is show that the respondents give the positive perception to the aspect that has been research. In the end of this experiment the researchers give a several opinion to certain side to focus about the problem has been search. The researcher also gives the further suggestion for the next experiment.

Katakunci: kaedah pengajaran, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)

Pengenalan

Di dalam proses pendidikan, guru memainkan peranan yang amat penting selain ibu bapa. Setiap guru perlu dibekalkan dengan kemahiran mengajar yang mantap kerana setiap kemahiran dan kebolehan semasa proses mengajar merupakan asas yang paling penting bagi seorang guru. Guru bukan sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga membimbing, membantu, mendidik, mengasuh, memberi tunjuk ajar serta menjadi contoh kepada pelajar. Oleh sebab itu, guru perlu memiliki sebanyak mungkin ilmu. pengetahuan tentang pengajaran dan mahir dalam menyampaikan ilmu dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sesuai supaya pelajar dapat menerima dengan berkesan.

Pernyataan Masalah

Dalam proses pengajaran kanak-kanak pada hari ini, kaedah pengajaran yang baik amat penting bagi menarik minat mereka terhadap menuntut ilmu. Selain itu, kaedah pengajaran juga bertujuan agar guru-guru dapat menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

Kepelbagaian kaedah yang ada dalam pengajaran yang digunakan disekolah menengah, rendah dan prasekolah telah menyebabkan kecenderungan ibu bapa menghantar anak-anak mereka disekolah-sekolah tersebut. Ini kerana, setiap sekolah yang mempunyai guru-guru yang bijak, akan dapat menjalankan kaedah pengajarannya dengan baik. Pembentukan anak-anak akan lebih terkesan apabila guru-guru Berjaya menggunakan kaedah yang baik dan sempurna.

Di Bachok, ramai kanak-kanak yang memasuki pusat asuhan selain PASTI seperti TABIKA, TADIKA, TASKI dan sebagainya. Namun begitu, kanak-kanak yang menamatkan prasekolah di PASTI dapat mengaplikasikan apa yang dipelajarinya dalam kehidupan mereka. Menurut Ahmad Yaakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan dalam Harakah.Net (2006) pelajar-pelajar lepasan PASTI lebih berdisiplin dan berakhlak walaupun mereka belajar di sekolah kebangsaan. Dalam hal ini, sudah pasti ada sesuatu yang telah dilakukan oleh guru-guru PASTI menyebabkan kanak-kanak ini berjaya. Salah satu sebabnya adalah proses pengajaran yang telah dilakukan oleh guru-guru pusat asuhan tersebut.

Melihatkan keadaan ini mesti ada sebab mengapa kanak-kanak PASTI Berjaya dalam pembelajaran mereka. Selain tarikan dari sudut Islam, mesti ada tarikan lain menyebabkan kanak-kanak berjaya di PASTI. Kenyataan itu seolah-olah menggambarkan kita bahawa adakah pusat asuhan yang lain tidak mempunyai guru-guru yang pandai mengajar, guru-guru tidak mengetahui kaedah mengajar kanak-kanak dengan betul atau sebab lain.

Pusat Asuhan Tunas Islam yang menjadi batasan kajian dalam kajian ini adalah salah satu pusat asuhan kanak-kanak dalam pendidikan yang berasaskan Islam. Pusat ini menjalankan proses pengajaran kanak-kanak dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu yang dapat menarik minat mereka untuk belajar di sini. Hal ini menyebabkan ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar agama Islam dan akademik di sini.

Penyelidik menjalankan kajian bagi mengenalpasti penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru-guru PASTI serta kekuatan kaedah-kaedah tersebut. Berdasarkan kajian yang lepas, diperhatikan ramai ibubapa menghantar anakanak mereka ke pusat asuhan ini kerana amat tertarik dengan teknik yang digunakan oleh guru-guru PASTI dalam mengajar anak-anak mereka.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk :

- a. Menenalpasti kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).
- b. Menenalpasti kaedah utama yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).
- c. Menenalpasti pengetahuan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) terhadap kaedah lain.

Kepentingan Kajian

Penyelidik sangat berharap agar kajian yang telah dijalankan ini dapat dimanfaatkan samada oleh pihak kerajaan, media massa, pentadbiran Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), guru-guru terlibat serta ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin di sampaikan :

1. Mengetahui kekuatan kaedah yang digunakan oleh guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dan perkara akan dapat dijadikan panduan di masa hadapan.
2. Dapatan kajian ini diharap dapat mendorong guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) lebih bersemangat untuk menjalankan kaedah mengajar yang lebih berkesan.
3. Dapat memberi garis panduan kepada semua pihak yang bertanggungjawab, supaya dapat merancang strategi yang lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)

Skop Kajian

Skop kajian ini dijalankan oleh penyelidik berdasarkan kaedah pengajaran Islam dan konvensional. Antara kaedah yang dikaji oleh penyelidik terhadap responden ialah kaedah pengajaran menurut Ahmad Mohd Salleh (2000:192) iaitu kaedah hafalan, kaedah soaljawab, kaedah lawatan, kaedah halaqah, kaedah imlak, kaedah permainan, kaedah demonstrasi (tunjukcara) dan kaedah bercerita. Selain itu, penyelidik juga mengkaji kaedah-kaedah lain seperti kaedah kuliah, kaedah *diskoveri*/penemuan, kaedah projek dan kaedah simulasi.

Metodologi

Populasi Kajian dan Sampel Kajian

Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 58), populasi merupakan satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok yang memiliki seramai 34 orang. Sampel diambil daripada keseluruhan populasi. Penggunaan keseluruhan populasi adalah bagi memastikan tidak ada ralat persampelan. Dalam kajian ini responden seramai 34 orang merupakan guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok iaitu populasi yang dikaji.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Menurut Mohd Najib Ghafar (1999: 40-42) instrumen kajian menentukan jenis data yang diperolehi dan ini mempengaruhi jenis analisis penyelidik. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik yang dibentuk dalam empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Menurut Mohd Najib Konting(2005: 187), pembinaan soal selidik berdasarkan beberapa andaian iaitu:

1. Responden dapat membaca dan dapat memahami item-item
2. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi; untuk menjawab item-item dalam soal selidik.
3. Responden secara sukarela dan ikhlas menjawab soal selidik.

Pembinaan instrumen merujuk kepada penulisan soalan dan analisis kepada cara mendapatkan keputusan. Semasa melaksanakan kajian ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyiapkan kajian ini iaitu data primer dan data sekunder.

1 Pengumpulan data Primer

Soal Selidik

Dalam kajian ini penyelidik telah memilih instrumen kajian yang berbentuk soal selidik. Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen kajian berdasarkan beberapa sebab:

1. Soal selidik dapat perolehi data dengan jelas dan tepat dan penyelidik berkeyakinan bahawa responden dapat member tindakbalas yang berkesan terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah yang lain.
2. Soal selidik boleh membantu penyelidik berhubung dengan responden dengan lebih cepat.
3. Soal selidik boleh menjimatkan masa, tenaga serta perbelanjaan penyelidikan.

Satu set soal selidik digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumbalas bagi masalah yang dikaji. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A: Biodata ringkas untuk mendapatkan maklumat peribadi guru seperti jantina, kelulusan akademik, pengalaman mengajar, gaji semasa, status perkahwinan dan umur.

Bahagian B: Merujuk kepada soalan yang berkaitan dengan penggunaan kaedah pengajaran oleh guru-guru PASTI.

Bahagian C: Soalan yang berkaitan dengan penggunaan kaedah pengajaran utama yang digunakan oleh guru-guru PASTI.

Bahagian D: Merujuk kepada soalan yang berkaitan dengan pengetahuan guruguru PASTI terhadap kaedah-kaedah lain.

Pembinaan sebahagian instrumen, diubah suai dari instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain dan sebahagian lagi dibina sendiri oleh penyelidik.

2 Pengumpulan Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder yang relevan diperlukan bagi menyokong huraian tersebut. Data-data ini diperolehi melalui buku-buku, laporan dan penyelidikan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, penyelidik juga mendapatkan maklumat daripada kajian yang lepas, sumber internet, ensiklopedia, kertas kerja dan lain-lain lagi.

Kajian Rintis

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu telah melakukan kajian rintis. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahihan item-item soal selidik yang dibina oleh penyelidik. Menurut Sidek Mohd Noah (2002: 62), sesuatu ujian itu dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperolehi daripada individu yang sama dengan menjawab ujian yang sama pada masa yang berbeza.

Untuk kajian ini, pengkaji telah membuat kajian rintis terhadap 10 orang pelajar tahun akhir SPI yang pernah mengajar kanak-kanak. Rasional pemilihan responden berdasarkan pengalaman responden mengajar tadika dan responden juga bakal guru yang akan menggunakan kaedah yang dikaji dalam kajian ini. Nilai alpha yang diperolehi ialah 0.762.

Keputusan

Jadual 1: Rumusan Dapatan Kajian Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru-Guru PASTI

Item	Item	Skala Kekerapan dan Peratusan				Min
		Tidak Setuju		Setuju		
		Bil	%	Bil	%	
1	Saya selalu menyuruh murid saya menghafal doa-doa harian.	4	11.7	30	88.2	4.08
2	Saya yakin murid saya dapat mengingat dengan baik setiap kali diminta menghafal.	4	11.7	30	88.2	4.00
3	Saya suka apabila murid saya belajar dengan hafalan.	7	20.5	27	79.4	3.88
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Hafalan						3.98
4	Saya memberi peluang kepada murid mengemukakan pertanyaan semasa saya mengajar.	3	8.8	31	91.1	4.11
5	Saya menjawab setiap soalan apabila ada pertanyaan dari murid.	1	2.94	33	97.0	4.11
6	Bersoal jawab dalam kelas menjadi amalan dan kebiasaan ketika saya mengajar.	4	12.1	30	88.2	4.00
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Soal Jawab						4.07
7	Saya pernah membawa murid saya melawat tempat-tempat bersejarah.	12	35.2	22	64.7	3.61
8	Saya mendapati murid lebih memahami tentang kebesaran dan kekuasaan Allah selepas melihat tempat-tempat bersejarah dan menarik.	5	14.7	29	85.2	4.00
9	Saya tidak akan melepaskan peluang untuk membawa murid saya melawat ke pameran-pameran Islam.	13	39.3	22	64.7	3.57
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Lawatan						3.72
10	Saya berasa puas apabila mengajar dalam bentuk halaqah.	4	12.1	30	88.2	4.02
11	Saya mendapati hubungan saya dengan murid menjadi erat jika berada dalam satu halaqah.	1	2.94	33	97.0	4.15
12	Saya dapat mengawal murid saya sekiranya berada dalam satu halaqah.	3	8.8	31	91.1	4.08
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Halaqah						4.08
13	Saya akan meminta murid menulis dan mewarna pada waktu pengajaran saya.	3	8.8	31	93.9	4.08
14	Saya menggunakan pen dan kertas semasa mengajar (selain papan hitam).	2	5.88	32	94.1	4.05
15	Saya akan meminta murid saya menulis semula apa yang mereka pelajari.	3	8.8	31	91.1	4.11
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Imlak						4.08

16	Saya dapat menyampaikan isi pelajaran dengan mudah melalui permainan.	3	8.8	31	91.1	4.05
17	Saya mendapati murid saya lebih aktif dalam kelas sekiranya belajar sambil bermain.	4	12.1	30	88.2	4.17
18	Saya sentiasa ubah corak permainan ketika mengajar.	4	11.7	30	88.2	4.05
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Permainan						4.09
19	Kaedah demonstrasi (tunjuk cara) memudahkan saya menyampaikan pengajaran.	-	-	34	100	4.26
20	Saya yakin murid saya dapat solat dengan sempurna apabila saya mengajar dengan kaedah demonstrasi (tunjuk cara).	-	-	34	100	4.35
21	Saya akan meminta pelajar melakukan semula apa yang diajar.	2	5.9	32	94.1	4.32
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Demonstrasi(Tunjuk Cara)						4.31
22	Saya akan menyampaikan beberapa cerita setiap hari.	7	20.5	27	2.94	4.08
23	Saya suka menceritakan kisah-kisah nabi dan cerita hikayat kepada murid saya.	1	2.94	33	97	4.29
24	Saya akan menyelitkan cerita-cerita teladan dalam setiap pengajaran saya.	1	2.94	33	97	4.26
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Kaedah Bercerita						4.21
Jumlah Min Keseluruhan Bagi Objektif Pertama						4.06

Berdasarkan kepada jadual 1, terdapat 24 item yang telah digunakan bagi meninjau kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI). Min tertinggi bagi item bahagian ini ialah pada item 20 iaitu pernyataan tentang keyakinan murid dapat solat dengan sempurna apabila mengajar dengan kaedah demonstrasi (tunjuk cara) dengan min sebanyak 4.35.

Manakala item yang mencatatkan min yang terendah adalah pada item 9 iaitu pernyataan tentang mereka tidak akan melepaskan peluang untuk membawa murid melawat ke pameran-pameran Islam dengan min sebanyak 3.57.

Oleh itu bagi persoalan kajian yang pertama iaitu untuk mengetahui kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) mencatatkan purata min keseluruhan mengikut kaedah yang tertinggi adalah kaedah demonstrasi (tunjukcara) iaitu sebanyak 4.31.

Manakala jumlah min keseluruhan bagi objektif pertama adalah 4.06. Ini bermakna objektif kajian yang pertama mendapat maklum balas yang positif daripada responden dan menunjukkan mereka bersetuju dengan item yang dikemukakan. Ini kerana min semua item yang disebutkan berada pada kedudukan tinggi iaitu 3.68 hingga 5.00.

Perbincangan

Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru-Guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Bachok.

Berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu kaedah pengajaran yang digunakan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) kawasan Bachok, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang dikaji memberikan maklumbalas yang baik berdasarkan nilai min bagi 24 item soalan sebanyak 4.06. Terdapat beberapa kaedah pengajaran yang dikemukakan seperti kaedah hafalan, kaedah soal jawab, kaedah lawatan, kaedah halaqah, kaedah imlak, kaedah permainan, kaedah demonstrasi (tunjukcara) dan kaedah bercerita. Setiap kaedah mempunyai 3 soalan.

Kaedah hafalan merupakan kaedah yang sesuai digunakan keatas kanak-kanak kerana mereka akan mengikut apa sahaja yang dikatakan oleh guru mereka. Menurut al- Ghazali dalam Muhammad Salih Samak (1980:30) sepatutnya agama diajar kepada seorang kanak-kanak pada permulaan hidupnya dengan hafalan semata-mata. Dan apabila besar, ia akan fahami dengan sedikit demi sedikit. Berdasarkan kenyataan ini guru-guru PASTI telah menggunakan kaedah ini dalam pengajaran mereka. Buktinya adalah pada min keseluruhan bagi kaedah ini iaitu sebanyak 3.98. Jumlah min yang paling tinggi bagi item ini adalah bagi item 1 iaitu 4.08 berkenaan dengan saya selalu menyuruh murid menghafal doa-doa harian. Ini menunjukkan ramai guru-guru PASTI menggunakan kaedah ini.

Proses pengajaran secara soajawab juga telah digunakan oleh guru-guru PASTI. Ini berdasarkan catatan min keseluruhan kaedah ini adalah 4.07. Kedudukan min ini pada tahap positif yang menandakan kaedah ini digunakan guru-guru PASTI. Seramai 33 responden menyatakan bersetuju mereka akan menjawab setiap soalan dari murid dengan jumlah min sebanyak 4.11. Sememangnya tanggungjawab seorang guru untuk menjawab setiap persoalan yang dikemukakan oleh murid bagi mencapai matlamat pengajaran.

Menyentuh tentang kaedah lawatan, sebanyak 29 orang responden bersetuju bahawa murid lebih memahami tentang kebesaran Allah SWT selepas melawat tempattempat bersejarah melalui item 8 . Ini disokong dengan item yang ke 7 dan 9 masing-masing mencatatkan persetujuan 22 orang responden bersetuju. Min keseluruhan bagi kaedah ini adalah 3.72. Berdasarkan jumlah min yang dinyatakan diatas, ada guru-guru PASTI yang menggunakan kaedah ini. Ini kerana kaedah ini membolehkan kita melihat perkara yang dilakukan orang lain dengan jelas. (Sulaiman Ngah Razali (1997:80)

Kaedah halaqah merupakan satu kaedah yang banyak digunakan oleh pendidikpendidik zaman permulaan Islam lagi. Guru-guru PASTI juga tidak ketinggalan untuk menggunakan kaedah ini. Min bagi kaedah halaqah juga berada pada paras yang tinggi iaitu 4.08. Ini dapat dibuktikan dengan jumlah responden yang bersetuju dengan item 11 yang menyatakan bahawa hubungan guru dan murid lebih erat jika berada dalam satu halaqah adalah seramai 33 orang responden. Konsep kedudukan halaqah yang bertentangan antara guru dan murid mungkin faktor utama guru merasa hubungan lebih erat dengan murid.

Kaedah imlak merupakan kaedah penulisan yang digunakan selepas kaedah hafalan. Kaedah ini telah digunakan oleh guru-guru PASTI dan jumlah min keseluruhan bagi kaedah ini adalah 4.08. Item 15 menunjukkan nilai min 4.11 yang menunjukkan bahawa guru-guru PASTI akan meminta murid menulis semula apa yang dipelajari oleh murid-muridnya. Pendapat ini disokong oleh item 13 dan 14 yang mana guru-guru PASTI juga menggunakan pen dan kertas semasa mengajar dan mereka akan menyuruh murid-murid mewarna bukan hanya mengajar sahaja.

Kaedah permainan adalah kaedah yang sesuai digunakan pada kanak-kanak. Oleh itu, kaedah ini juga menjadi pilihan guru-guru Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) dalam pengajaran mereka. Terdapat 31 orang guru bersetuju bahawa mereka dapat menyampaikan isi pelajaran dengan dengan mudah melalui permainan. Kenyataan ini mewakili item 16. Seramai 30 guru-guru PASTI juga bersetuju bahawa mereka akan sentiasa mengubah corak permainan dan muridnya lebih aktif ketika bermain. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Mok Soon sang (2004: 355) bahawa bermain akan memberi potensi intelek, jasmani, rohani dan sosial kepada pelajar. Situasi bermain juga akan menyediakan peluang yang sangat baik untuk pertumbuhan sosial kanak-kanak kecil. Pada umur 4 hingga 5 tahun, kanak-kanak dari jantina yang berlainan akan belajar main bersama-sama dan mencari tempat masing-masing dalam berbagai kegiatan. (Lester d.Crow diterjemah oleh Habibah bt Elias (1983: 133)).

Kaedah demonstrasi adalah kaedah yang memerlukan kemahiran guru dalam menyampaikan isi pelajaran. Guru-guru PASTI boleh dikatakan mempunyai kemahiran yang tinggi kerana majoriti responden bersetuju dengan kaedah ini. Seramai 34 orang responden berpendapat kaedah ini memudahkan mereka untuk menyampaikan isi pelajaran. Mereka juga yakin bahawa murid dapat solat dengan sempurna apabila mengajar dengan kaedah demonstrasi (tunjukcara). Dapatan kajian ini menyokong hasil kajian yang dilakukan oleh Fadizah Salih (2002: 80) iaitu daripada hasil kajian yang penulis lakukan, beliau mendapati bahawa kaedah demonstrasi (tunjukcara) ini dapat membina kemahiran pelajar yang utuh dan cepat dalam sesuatu perkara. Kemahiran yang dibina adalah berdasarkan keadaan sekeliling semasa pembesarannya dan akan mengikut apa sahaja yang dilihatnya tanpa mengira baik atau buruk akan sesuatu. Menurut Lester D.Crow diterjemah oleh Habibah bt Elias (1983:133) kanak-kanak adalah peka kepada sikap orang lain terutamanya yang lebih tua darinya.

Seterusnya adalah kaedah bercerita. Guru-guru PASTI juga menggunakan kaedah bercerita dalam pengajaran mereka. Kebanyakan guru-guru PASTI suka menceritakan cerita-cerita nabi dan hikayat kepada murid-muridnya. Ini berdasarkan keputusan kajian iaitu seramai 33 orang setuju. Mereka juga ada menyelitkan ceritacerita teladan dalam setiap pengajaran dan ini menunjukkan 33 orang responden setuju. Perkara ini ada dinyatakan oleh Shahabudin Hashim et.al (2003: 53) kaedah bercerita merupakan salah satu cara yang membolehkan guru menyampaikan isi pelajaran dengan baik terutamanya pada kanak-kanak. Selain itu, bercerita juga dapat membentuk akhlak murid. Menurut Muhammad Salih Samak (1983: 106) cerita-cerita yang disampaikan pada mulanya berasaskan kepada pengalaman murid kemudian diceritakan kisah-kisah tokoh terkemuka dan mempunyai akhlak mulia seperti peribadi Rasulullah SAW dan para sahabat.

Jika dilihat dari keseluruhan kaedah yang dikaji, guru-guru PASTI telah menggunakan kesemua kaedah yang dinyatakan. Hal ini dapat dibuktikan dengan catatan min yang tinggi bagi setiap kaedah iaitu kaedah demonstrasi (tunjukcara) sebanyak 4.31, kaedah lawatan sebanyak 3.72, kaedah bercerita sebanyak 4.12, manakala kaedah permainan 4.09, kaedah halaqah 4.08, kaedah imlak mewakili 4.08

Jika dibandingkan dari semua, kaedah demonstrasi (tunjukcara), merupakan kaedah yang mencatat min tertinggi iaitu. Kaedah lawatan merupakan mencatat min yang paling rendah iaitu 3.72, kaedah bercerita sebanyak 4.12, manakala kaedah permainan 4.09, kaedah halaqah 4.08, kaedah soaljawab adalah 4.07 dan kaedah hafalan min sebanyak 3.98

Rumusan

Dari dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti guru-guru PASTI telah menggunakan kaedah pengajaran yang dikaji oleh penyelidik. Kajian ini juga dapat mengenalpasti kaedah utama yang disukai oleh guruguru PASTI iaitu kaedah hafalan dan kajian ini dapat menunjukkan pengetahuan guruguru PASTI terhadap kaedah lain iaitu di tahap positif. Penyelidik juga telah memberikan beberapa cadangan kepada pihak-pihak tertentu berhubung dengan peningkatan prestasi pengajaran guru-guru PASTI dengan menggunakan semua kaedah pengajaran yang ada.

Rujukan

al-Quran. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Syeikh Abdullah Basmeih (2001), Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian.

_____ *PASTI Kelantan 1983-2003*. (Siri Pertama) Kelantan: Atfal Salam Sdn. Bhd.

Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Snd Bhd.

Abd Rahim Abd Rashid (2005). *Profesionalisme Keguruan: Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Halim Hj. Mat Diah, Haji Zainal Abidin haji Abdul Kadir, Abdul Hamid Othman, Ismail Ibrahim, Wan Hussien Azmi dan Haji Salleh Mohd Akib (1988). *Pendidikan Islam Di Kelantan Menjelang Tahun 2000. Seminar Ekspo Pendidikan Islam Kelantan*. 31 Julai 1988. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia.

Abdul Salam Yusof (2003). *Imam al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah al-Qari Bin Haji Salleh (1982). *Dasar-dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman PressSdn Bhd.

Abdullah Ishak (1995), *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka: Kementerian Pendidikan Malaysia

Abdullah Jusuh (1989). *Pengenalan Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Achmadi (2005). *Ideologi Pendidikan Islam*. Yongyakarta : Pustaka Pelajar.

Ahmad Kilani Mohammed (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Kilani Mohammed *et.al* (2004). *Memberitahu Hal Sebenar Kepada Kanak- Kanak Kecil: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Mohd Salleh (2000). *Pendidikan Islam, Pedagogi dan Metodologi*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd

Ahmad Mohd Salleh (2004). *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn Bhd.

al-Qardawy, Yusuf (1980). *Pendidikan Islam dan Madrasah Hasan Al Banna* tejh Bustami A. Gani, Zainal Abidin Ahmad. Jakarta : Penerbit Bulan Bintang.

Baharuddin Aris et.al (2003). *Sains Komputer teknik & Teknologi*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.

Ee, Ah Meng (2002). *Pedagogi III: Edisi Kedua (Semester III)*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.